

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



ISSN 1823-6421

KELANGSUNGAN HIDUP PASCA PANDEMIK: PELAJAR DAN KERJA SAMBILAN

Siti Azrina Adanan¹ dan Khair Syakira Bustamam¹

¹Fakulti Perakaunan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Alor Gajah, Melaka.

*Koresponden: azrina@uitm.edu.my

Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah mengubah kehidupan dan rutin harian manusia dalam pelbagai aspek. Bekerja dan belajar dari rumah bukan perkara yang asing lagi. Setelah lebih dari dua tahun pelajar terutamanya dari institusi pengajian tinggi mengharungi suasana baru sesi pembelajaran, ramai yang berjaya bergraduat dengan keputusan yang membanggakan. Disebalik cerita kejayaan ini, banyak halangan yang terpaksa pelajar-pelajar ini lalui antaranya kekurangan sumber kewangan untuk menyediakan kemudahan belajar secara atas talian. Justeru itu, ramai pelajar yang memilih untuk bekerja sambil bagi membolehkan mereka mengikuti kuliah walaupun di kawasan geografi yang berbeza dan memenuhi tuntutan pengajian masing-masing.

Menurut Saudara Muhammad Najmi Rosely, 23, pelajar Fakulti Perakaunan UiTM Melaka yang baru selesai menjalani latihan praktikal dan kini sedang menjalani kuliah semester akhir berpendapat kerja sambilan di kalangan pelajar bukanlah sesuatu yang asing kini. Beliau yang masih meneruskan kerja sambilan membantu majikan firma audit tempat beliau menjalani latihan praktikal mengakui apapun alasannya, tanggungjawab sebagai pelajar harus disempurnakan terlebih dahulu untuk mengekalkan prestasi akademik sebagai seorang pelajar. Selain dari pendapatan sampingan yang agak tinggi, beliau juga dapat mempraktikkan ilmu akademik yang sedang dipelajarinya.

Sementara itu bagi saudara Muhammad Aznul Haidie Hamzah, 23, pelajar tahun akhir Fakulti Perakaunan UiTM Melaka pula, beliau mengambil peluang bekerja sambilan sebagai penghantar makanan untuk mengisi waktu lapang ketika cuti semester. Menurutnya cuti semester adalah waktu yang terbaik untuk menimba pengalaman yang baru memandangkan beliau tidak mempunyai komitmen lain di rumah. Waktu yang dipilih juga adalah bersesuaian dan tidak mengganggu kelas secara atas talian dijalankan ketika semester berlangsung. Faktor utama beliau bekerja secara sambilan adalah untuk menambah duit poket dan juga mengisi waktu lapang kerana telah terbiasa bekerja sambilan ketika cuti semester. Aznul yang juga seorang pelajar cemerlang memberitahu pengalaman menjadi penghantar makanan membawa kesan positif kepada dirinya dari segi disiplin dan kesabaran yang tinggi. Sikap beliau ini diperakui oleh pensyarah yang mengajar beliau.

Tidak dinafikan banyak manfaat yang dapat dikaitkan dengan kerja sambilan di kalangan pelajar khususnya pelajar institusi pengajian tinggi. Ia bukan sahaja dapat menjana pendapatan yang sedikit sebanyak dapat menampung kos sara hidup di kampus, secara tidak langsung ia juga mengajar pelajar untuk lebih berdiskari dan lebih berdisiplin, memahami teknik pengurusan kewangan, dan menguasai beberapa kemahiran insaniah yang lain seperti kemahiran berkomunikasi dan kemahiran mengendalikan masalah. Brillyanda, Chusniyah, Primastio & Wulandari (2022) dalam kajian mereka mendapati pelajar yang bekerja sambilan ini mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi, sikap dan kesihatan rohani yang positif. Di samping itu, pelajar juga dapat mencari dan mengenal potensi diri masing-masing yang mungkin tidak dapat dilihat di dalam bilik kuliah.

Idak hanya melihat kepada sisi positif bekerja sambilan di kalangan pelajar ini, ianya jika tidak dirancang dengan baik dapat membawa pelajar ke jurang masalah. Pelajar perlu pandai membahagikan masa antara tanggungjawab hakiki sebagai pelajar dan komitmen yang perlu diberi pada kerja sambilan. Kegagalan membahagikan masa akan menyebabkan prestasi akademik terjejas dan tahap stress yang tinggi. Dapatan daripada kajian Leeman, Hoff, Krishnan-Sarin, Patock-Peckham, & Potenza (2014) menyatakan pelajar yang memperuntukan masa bekerja sambilan yang panjang (lebih dari 11 jam seminggu) akan memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik. Ini berlaku kerana perhatian pelajar akan lebih tertumpu pada tugas kerja sambilan berbanding pelajaran (Robotham, 2012). Kecenderungan ini adalah kerana kerja sambilan dapat memberikan ganjaran dalam jangka masa pendek manakala sebagai pelajar, ganjarannya (sijil akademik) hanya dapat dilihat selepas tamat belajar.

Sebagai kesimpulan, kerja sambilan di kalangan pelajar dapat membawa banyak impak jangka pendek dan panjang yang positif jika diurus dengan baik. Ia dapat memberi nilai tambah dalam diri pelajar terutamanya dari aspek pengalaman dan pengurusan sendiri. Jangan pula yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran. Justeru itu, bimbingan dan galakan amat diperlukan dari ibu bapa, pensyarah dan rakan-rakan agar pelajar tidak terus leka dengan kerja sambilan yang diceburi.

RUJUKAN

- [1] Brillyanda, I. S. C., Chusniyah, T., Primastio, G. D., & Wulandari, M. D. (2022). Attitude Towards Life and Spiritual Health as Predictors of Psychological Well-Being in State University of Malang Students Who Work Part-Time. *KnE Social Sciences*, 42-54.
- [2] Leeman, R. F., Hoff, R. A., Krishnan-Sarin, S., Patock-Peckham, J. A., & Potenza, M. N. (2014). Impulsivity, sensation-seeking, and part-time job status in relation to substance use and gambling in adolescents. *Journal of Adolescent Health*, 54(4), 460-466.
- [3] Robotham, D. (2012). Student part-time employment: characteristics and consequences, *Education + Training*, 54 (1), 65-75.



Kerja sambilan popular di kalangan pelajar

Sumber: <https://www.mstar.com.my/xpose/i-suke/2021/01/08/cerita-rakan-grab-musim-pandemik-kena-rajin-kerja-baru-boleh-buat-duit>

